



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**TAUTAN WACANA DALAM PENULISAN  
KARANGAN PELAJAR  
TINGKATAN ENAM**

**SHAMSUL HAZLIYATUL AKMA BINTI MOHMAD**

**FBMK 2010 22**



**TAUTAN WACANA DALAM PENULISAN  
KARANGAN PELAJAR  
TINGKATAN ENAM**

**SHAMSUL HAZLIYATUL AKMA BINTI MOHMAD**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2010**



**TAUTAN WACANA DALAM PENULISAN KARANGAN  
PELAJAR TINGKATAN ENAM**

**Oleh**

**SHAMSUL HAZLIYATUL AKMA BINTI MOHMAD**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia,  
sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

**Oktober 2010**



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Master of Arts

**COHESIVE OF DISCOURSE IN ESSAY WRITING  
BY FORM SIX STUDENT**

By

**SHAMSUL HAZLIYATUL AKMA BINTI MOHMAD**

**October 2010**

**Chairperson : Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD**

**Faculty : Faculty of Modern Languages and Communications**

The study examines the discourses of cohesive the Sixth Form students in essay writing. There are three main objectives in this study, to analyze and describe cohesive repetition, cohesive collocation, and connecting words and sub pattern of cohesive, to compare and explain the verses in the discourses of cohesive essay writing grade six students in primary and sub pattern of cohesive and also for cohesive sentence describing the frequency of the discourse of Sixth Form students in essay writing in primary and sub pattern of cohesive. The study involved 60 male and female Upper Sixth Form at a secondary school in Kelantan. Data were collected by using the Writing Test Essay and Survey Methods. Each sample was asked to write an essay on the topic set. The results were analyzed based on three sample essays of cohesive aspects of discourse, namely cohesive repetition, collocation cohasive, and cohesive connecting sentences. cohesive-key into patterns of cohesive respectively. The pattern of cohesive are repetition of reference,



substitution, ellipsis, lexical, prafrasa, paralelisme and the same structure and meaning. Cohesive collocation covers antonim, cohiponim, revenue and capacity. Cohesive addition, resistance, reason, time and channel is a group of connective cohesive sentences. Based on the data collected and analyzed, the researcher can conclude that the type of discourse of cohesive most commonly found in verse written by a sample to produce an essay is tautan repetition, that of 55.08% (449 words), followed by type of sentence with link cohesive percentage of 37.79% (308 words), while some of the most recognized cohesive is cohesive collocation 7.12% rate (58 sentences) only. The total sentence of 815 has been analyzed is the whole sentence. All data collected were analyzed quantitatively based on the frequency and percentage. The findings of this study are expected to help teachers plan srstrategy teaching and learning more effective for students to be able to produce a good essay writing and proper.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**TAUTAN WACANA DALAM PENULISAN KARANGAN PELAJAR  
TINGKATAN ENAM**

Oleh

**SHAMSUL HAZLIYATUL AKMA BINTI MOHMAD**

**Oktober 2010**

**Pengerusi : Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD**

**Fakulti :Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini mengkaji tentang tautan wacana dalam penulisan karangan pelajar Tingkatan Enam. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini, iaitu untuk menganalisis dan menghuraikan tautan perulangan, tautan kolokasi, dan tautan penghubung ayat serta subjenis tautan, untuk membanding dan menghuraikan tautan ayat dalam wacana penulisan karangan pelajar Tingkatan Enam dari segi tautan utama dan subjenis tautan dan juga untuk menghuraikan kekerapan tautan ayat dalam wacana penulisan karangan pelajar Tingkatan Enam dari segi tautan utama dan subjenis. Kajian melibatkan 60 orang pelajar lelaki dan perempuan Tingkatan Enam Atas di sebuah sekolah menengah di Kelantan. Data kajian dikumpul dengan menggunakan kaedah Ujian Menulis Karangan dan Kaedah Tinjauan. Setiap sampel diminta menulis sebuah karangan berdasarkan tajuk yang telah ditetapkan. Hasil karangan sampel dianalisis berdasarkan tiga



aspek tautan wacana yang utama, yaitu tautan perulangan, tautan kolokasi, dan tautan penghubung ayat. Tautan-tautan utama tersebut dibahagikan kepada subjenis-subjenis tautan masing-masing. Subjenis tautan perulangan terdiri daripada rujukan, penggantian, elipsis, leksikal, prafrasa, paralelisme dan struktur dan makna sama. Tautan kolokasi pula merangkumi antonim, kohiponiman, hasil dan sifat. Subjenis tautan seperti tautan tambahan, tentangan, sebab-musabab, waktu dan terusan merupakan kelompok tautan penghubung ayat. Berdasarkan data yang telah dikumpul dan dianalisis, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa jenis tautan wacana yang paling banyak terdapat dalam ayat yang ditulis oleh sampel untuk menghasilkan sesebuah karangan ialah tautan perulangan, iaitu sebanyak 55.08% ( 449 ayat), diikuti oleh jenis tautan penghubung ayat dengan peratusannya sebanyak 37.79% (308 ayat), manakala jenis tautan yang paling sedikit dikenalpasti ialah tautan kolokasi dengan kadar 7.12% (58 ayat) sahaja. Jumlah ayat yang telah dianalisis adalah sebanyak 815 ayat secara keseluruhannya. Semua data yang dikumpulkan telah dianalisis secara kuantitatif berdasarkan kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian ini diharap membantu para guru merancang srstrategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan untuk pelajar agar dapat menghasilkan penulisan karangan yang baik dan sempurna.



## PENGHARGAAN

Sesungguhnya saya amat bersyukur ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurnia-Nya kerana dapat menyempurnakan penulisan tesis ini. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Penyelia saya, iaitu Profesor Madya Dr. Abdul Rashid bin Daing Melebek atas dorongan, tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan sepanjang penulisan ini dijalankan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua tenaga pengajar di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan dorongan sepanjang pengajian saya. Secara peribadinya, saya ingin merakamkan kalungan bunga terima kasih kepada semua tenaga pengajar yang mengendalikan Program Master Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia yang begitu perihatin, amat dedikasi, sabar dan tekun menangani sebarang masalah sepanjang saya meneruskan pengajian ini. Tanpa usaha mereka semua, kejayaan saya mengakhiri perjuangan ini pastinya tidak akan berjaya.

Pada kesempatan ini, tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ayah dan ibu serta adik beradik yang sering meniupkan kata-kata semangat untuk saya terus belajar. Mereka sering kali berkeyakinan dengan apa yang saya laksanakan dan kerap memberi dorongan kepada saya bagi meneruskan pengajian dan menyiapkan penulisan ini.

Akhir sekali, untuk semua rakan dan individu lain yang tidak disebutkan namanya di sini, sokongan dan bantuan yang diberikan amatlah dihargai dan disusuli dengan ucapan terima kasih.





Terima kasih kepada semua pihak yang baik budi, jasa dihulur amat dihargai dan hanya Tuhan sahaja yang membalasnya.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 15 Oktober 2010 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Shamsul Hazliyatul Akma Binti Mohamad untuk menilai tesis beliau yang bertajuk Tautan Wacana dalam Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Enam mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti yang berikut:

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Noor Aina binti Dani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Teo Kok Seong, PhD**

Profesor  
Institut Alam dan Tamaddun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**SHAMSUDDIN SULAIMAN, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 November 2010



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat dan keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Abdul Rashid Daing Melebek, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Vijayaletchumy A/P Subramaniam, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**HASANAH MOHD GHAZALI, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.

---

**SHAMSUL HAZLIYATUL AKMA  
BINTI MOHMAD**

Tarikh: 15 Oktober 2010



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Perincian Butiran Tautan Model Tautan Pindaan	47
2	Tautan Perulangan dan Subjenis Tautan	49
3	Tautan Kolokasi dan Subjenis Tautan	52
4	Tautan Penghubung Ayat dan Subjenis Tautan	54
5	Kekerapan Tautan Ayat dari Segi Tautan Utama	98
6	Kekerapan Tautan Ayat dari segi Tautan Perulangan	100
7	Kekerapan Tautan Ayat dari segi Tautan Kolokasi	102
8	Kekerapan Tautan Ayat dari segi Tautan Penghubung Ayat	104

## SENARAI RAJAH

### Rajah

### Muka Surat

1 Kerangka Kajian

56

## SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
ESL	Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia



## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii

### **BAB**

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Sejarah Perkembangan Analisis Wacana	9
	1.4 Pernyataan Masalah	11
	1.5 Objektif Kajian	12
	1.6 Persoalan Kajian	13
	1.7 Kepentingan Kajian	13
	1.8 Batasan Kajian	17
	1.9 Definisi Operasional	17
	1.9.1 Tautan	17
	1.9.2 Wacana	18
	1.9.3 Pelajar Tingkatran Enam	18
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>20</b>
	2.1 Sorotan Kajian Berkaitan	20
	2.1.1 Kajian Analisis Tautan dan Implikasi Penggunaan Tautan dalam Bahan Sastera untuk Pembelajaran Bahasa Kedua (Christmas, 2001)	20
	2.1.2 Kajian Tautan dan Koheren dalam Penulisan Bahasa Inggeris Kanak-kanak di Kelas Campuran dan Kelas Bahasa Inggeris Sepenuhnya (Jungok Bae, 2001)	24
	2.1.3 Kajian Pemahaman Teks dan Hubungan dengan Koheren dan Tautan dalam Naratif Fiksyen Kanak-kanak (Cain, 2003)	28
	2.2 Jenis-jenis Analisis Wacana	30
	2.2.1 Analisis Tekstur Wacana	30
	2.2.2 Analisis Strategi Wacana	35





2.2.3	Analisis Nahu Wacana	36
2.2.4	Analisis Struktur Wacana	39
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>44</b>
3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka bentuk Kajian	45
3.3	Kerangka Teori	45
3.3.1	Tautan Perulangan	48
3.3.2	Tautan Kolokasi	51
3.3.3	Tautan Penghubung Ayat	53
3.4	Kerangka Kajian	55
3.5	Persampelan Kajian	57
3.6	Bahan Kajian	58
3.7	Penganalisan Data	59
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>61</b>
4.1	Untuk Menganalisis Tautan Perulangan, Tautan Kolokasi, dan Tautan Penghubung Ayat serta Subjenis Tautan Masing-masing dalam Wacana Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Enam.	61
4.1.1	Tautan Perulangan	61
4.1.2	Tautan Kolokasi	81
4.1.3	Tautan Penghubung Ayat	85
4.2	Untuk Membanding Tautan Ayat dalam Wacana Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Enam dari segi Tautan Utama dan Subjenis Tautan	95
4.2.1	Perbandingan antara Tiga Tautan Utama dalam Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Enam	95
4.2.2	Perbandingan antara Jenis-jenis Tautan Perulangan dalam Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Enam	96
4.2.3	Perbandingan antara Jenis-jenis Tautan Kolokasi dalam Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Enam	96
4.2.4	Perbandingan antara Jenis-jenis Tautan Penghubung Ayat dalam Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Enam	97
4.3	Untuk Menghuraikan Kekerapan Tautan Ayat dalam Wacana Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Enam dari segi Tautan Utama dan Subjenis Tautan.	97
4.3.1	Kekerapan Tautan Ayat dari segi Tautan Utama	98



4.3.2	Kekerapan Tautan Ayat dari segi Tautan Perulangan	99
4.3.3	Kekerapan Tautan Ayat dari segi Tautan Kolokasi	101
4.3.4	Kekerapan Tautan Ayat dari segi Tautan Penghubung Ayat	103
4.4	Kesimpulan	105
5	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	109
5.1	Kesimpulan	109
5.2	Cadangan	110
5.3	Implikasi Kajian	111
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	112
	<b>LAMPIRAN</b>	115
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	



# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dijadikan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah dan di Institusi Pengajian Tinggi Awam secara beransur-ansur sejak tahun 1981. Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, bahasa Melayu telah diajar sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah bantuan kerajaan bermula pada tahun 1957 berasaskan Penyata Razak. Kedudukan tersebut telah diperkukuhkan lagi melalui Penyata Rahman Talib pada tahun 1961. Penyata Rahman Talib telah menegaskan supaya semua sekolah menengah bantuan kerajaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (Awang Mohamad Amin, 1992). Seterusnya, melalui perakuan yang dibuat dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (Kementerian Pelajaran, 1979), bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar utama sepenuhnya bagi semua peringkat persekolahan dan pengajian bermula pada tahun 1983.

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu titik perubahan dalam kurikulum pendidikan negara. Perubahan ini adalah sejajar dengan perubahan matlamat pendidikan negara yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Negara.



Pernyataan Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk membentuk insan pelajar yang baik (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990) dengan ciri kepercayaan kepada Tuhan, berfikiran kreatif dan rasional, berakhlak mulia, berkeupayaan memberi sumbangan ke arah kemakmuran masyarakat dan negara, setia kepada negara, bertanggungjawab dan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara ini, ia bukan sahaja menjadi tanggungjawab warga pendidik, malah setiap lapisan masyarakat juga turut sama memikul tugas tersebut.

Melalui pelaksanaan KBSM, sukatan pelajaran Bahasa Malaysia telah mengalami perubahan. Mengikut sukatan pelajaran Bahasa Malaysia KBSM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002), pendidikan bahasa bertujuan untuk meneruskan peningkatan penguasaan kemahiran asas bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan memupuk kepekaan terhadap variasi-variasi bahasa dalam pelbagai situasi dan disiplin. Kurikulum ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap sistem dan gaya bahasa yang indah serta tersusun melalui pelbagai sumber terutama bahan-bahan ilmu pengetahuan.

Dengan kata lain, pendidikan Bahasa Malaysia KBSM bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan penguasaan kecekapan dan kemahiran-kemahiran asas, malah menekankan penggunaan bahasa Melayu dalam mengungkapkan segala bidang ilmu dan kegiatan harian selaras dengan fungsinya sebagai bahasa rasmi, bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu pengetahuan yang mencerminkan akal budi rakyat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).



Justeru, bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa sarana budaya tinggi yang mendukung sistem nilai untuk pembinaan sahsiah diri yang seimbang haruslah dikuasai dengan baik oleh semua golongan khususnya pelajar. Tahap penguasaan bahasa Melayu yang baik secara keseluruhannya dapat menjamin penggunaan bahasa Melayu dalam bidang ilmu dan kehidupan seharian.

Bagi membentuk masyarakat yang bermaklumat, usaha-usaha meningkatkan kualiti kecekapan dan kemahiran berkomunikasi perlu dikembangkan dan dimantapkan di peringkat sekolah. Menyedari hal tersebut, kecekapan berbahasa akan terus dipupuk dan ditingkatkan terutama kecekapan mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pelajar diharapkan lebih peka terhadap variasi bahasa, laras dan gaya bahasa yang meyakinkan dalam pelbagai suasana. Berdasarkan hakikat inilah, peranan guru dalam pengajaran bahasa amat penting untuk meningkatkan kecekapan berbahasa dan seterusnya mencapai ketrampilan berbahasa dalam kalangan pelajar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989).

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah bertujuan membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa setaraf dengan peringkat intelek pelajar di peringkat menengah tinggi dan memupuk daya pengembangan berbahasa bagi kepentingan pendidikan tinggi dan pekerjaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989). Selain itu, pelajar juga akan dapat mencapai pemahaman tentang sistem bahasa, unsur dan nilai yang didukungnya, kecekapan berkomunikasi, melahirkan fikiran dan perasaan, kreatif melalui lisan dan penulisan, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, matlamat utama pendidikan



bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk memungkinkan pelajar memahami sistem bahasa Melayu, dari aspek bentuk, makna dan fungsinya di samping mempraktikkannya dengan betul dalam kehidupan kelak.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Penulisan karangan merupakan aspek penting sebagai perakam bahasa yang melibatkan fikiran, pengetahuan, teknik, gaya dan pencermin kebolehan menggunakan tatabahasa yang betul. Seajar dengan peranan tradisional kemahiran menulis sebagai alat pengukur utama pencapaian seseorang pelajar, kemahiran ini perlu dikuasai sepenuhnya daripada kemahiran peringkat mekanis sehinggalah kemahiran menulis peringkat yang tertinggi, iaitu peringkat pengalihan idea. Peperiksaan bertulis bertindak sebagai medium penting dalam menentukan pencapaian pelajar. Oleh itu, kemahiran menulis karangan juga banyak memengaruhi perubahan sikap dalam kalangan pelajar (Mohd Noor, 1987). Kemahiran menulis karangan boleh dijadikan landasan kepada kecekapan menulis yang lebih tinggi.

Kemahiran menulis karangan adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh para pelajar untuk memungkinkannya berkomunikasi dengan berkesan, sama ada dalam bilik darjah atau persekitaran masyarakat secara formal atau tidak formal (White, 1981). Menurut Keraf (1981), penulisan karangan merupakan satu kegiatan yang berbentuk sintaksis dengan mempergunakan pengetahuan dasar kebahasaan ditambah beberapa komponen berupa

kemampuan penalaran dan pengetahuan yang baik tentang objek garapnya. Di samping itu, komponen isi kandungan dan fakta, penggunaan bahasa, gaya (keragaman ayat, diksi dan bahasa kiasan), organisasi atau pengolahan dan keseluruhan memberikan kesan kepada umum.

Raimes (1983), menyatakan bahawa para pelajar berkomunikasi bukan sahaja secara lisan tetapi kerap juga secara tulisan. Keperluan ini bukan sahaja untuk memenuhi sukatan pelajaran tetapi yang lebih penting, melalui kemahiran menulis dapat membantu para pelajar dalam aspek yang berikut:

- a) mengarang dapat meneguhkan penggunaan tatabahasa, idea, penggunaan perbendaharaan kata dan perasaan.
- b) mengarang akan memberi peluang kepada pelajar menjelajah atau meneroka lebih jauh daripada apa yang telah diajar oleh guru dengan menggunakan pengetahuan bahasa. Di samping itu juga, pelajar cuba menggunakan bahasa tersebut (percubaan penggunaan bahasa yang betul, walaupun dalam percubaan ini pelajar melakukan kesalahan).
- c) keperluan bagi para pelajar memperluaskan pengetahuan supaya dapat menjelaskan idea, meningkatkan kecekapan koordinasi mata, tangan dan pemikiran. Ini semua supaya dapat memenuhi kehendak dan hasrat masyarakat moden bagi kepentingan diri sendiri dan orang ramai.

Kemahiran menulis termasuk penulisan karangan adalah wadah untuk para pelajar meningkatkan kecekapan penggunaan tatabahasa yang tinggi. Sebaliknya, hasil daripada penulisan karangan merupakan gambaran proses pemikiran pelajar dan kebolehan kecekapan penggunaan tatabahasa yang digunakan (Arapoff, 1975). Menurutnya lagi, kemahiran penulisan karangan dapat dibahagikan kepada dua aspek seperti yang berikut:

- a) pelajar perlu memikirkan fakta, memilih fakta yang sesuai dan menyusun fakta dengan jelas dan logik melalui proses berfikir.
- b) pelajar perlu menggunakan kemahiran, dan kemahiran ini perlu dipelajari. Oleh itu, objektif kemahiran menulis ialah membantu para pelajar menguasai sub kemahiran tatabahasa di samping sub kemahiran yang lain kerana ia menjadi pemangkin kepada pembelajaran menulis yang baik.

Kemahiran menulis karangan merupakan proses yang menyatukan kedua-dua kemahiran, iaitu pemilihan fakta, penyusunan fakta dan kecekapan penggunaan tatabahasa. Penyepaduan kedua-dua kemahiran akan mempengaruhi keberkesanan komunikasi dalam tulisan. Oleh itu, para pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang mantap untuk menguasai mekanisme mengarang. Penekanan yang seimbang antara kedua-dua sub kemahiran hendaklah ditumpukan dalam proses mengarang.

Raimes (1983) dan White (1987), menjelaskan bahawa pembelajaran menulis bukan sesuatu yang semula jadi seperti kemahiran bertutur. Sebahagian besar masyarakat





mempelajari kemahiran menulis di sekolah, berbeza daripada kemahiran bertutur yang dikuasai dan diperoleh daripada ibu bapa. Oleh itu, kemahiran menulis termasuk menulis karangan adalah kemahiran yang sukar dan hanya dikuasai melalui pengajaran dan pembelajaran (Juriah, Raminah dan Sofiah, 1992).

Menurut Ferris (1995), oleh sebab pelajar tidak sepanjang masa bersama guru dalam proses penulisan karangan, maka perlulah pelajar diajar cara mengedit yang berkesan. Ini untuk membolehkan para pelajar membetulkan penggunaan tatabahasa, leksikal dan mekanik penulisan karangan.

Para pelajar di peringkat prauniversiti tidak terkecuali daripada menghadapi masalah dalam kemahiran menulis karangan. Tahap kecekapan penggunaan bahasa dan tatabahasa yang rendah akan menyukarkan lagi penguasaan kemahiran menulis karangan. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah menengah sewajarnya bermatlamatkan untuk melahirkan pelajar yang berkemampuan menyampaikan fikiran dan berkomunikasi secara berkesan dengan anggota masyarakat. Walaupun kemahiran menulis karangan ini penting bagi memenuhi kehendak kehidupan moden, corak pengajaran dan pembelajaran yang disediakan di sekolah menengah kini tidak menuju ke arah pencapaian matlamat tersebut

